

# Usaha menyelamatkan 230 paus terdampar

HM 23/9/2022 MS: 34

**Sydney:** Sehari selepas 230 ikan paus ditemui terdampar berhampiran pantai terpencil di Macquarie Harbour di Tasmania, Australia, hanya 35 ekor daripadanya yang masih hidup walaupun usaha menyelamatkan diteruskan, kata Jabatan Sumber Asli dan Alam Sekitar Tasmania, pada Rabu.

Tetapi usaha menyelamatkan haiwan itu berdepan kesukaran susulan ombak bergelora, kata pengurus Perkhidmatan Hidupan Liar dan Taman Tasmania, Brendon Clark.

"Kami cuba menyelamatkan haiwan itu, sema-

lam, dan daripada penilaian awal kami mengenal pasti ikan paus masih dapat diselamatkan.

"Setakat ini, 230 ikan paus terkandas dan tumpuan hari ini menyelamatkan dan melepaskan haiwan itu semula," katanya.

Beliau berkata, kira-kira 35 ikan paus masih hidup dan berada di kawasan pantai.

Ikan paus dikesan mula 'mendarat' dua tahun lalu dan sejarah terbesar Australia berlaku apabila kira-kira 470 ikan paus bersirip panjang ditemukan tersangkut di beting pasir, pada 21 September 2020.



**IKAN** paus yang terdampar di Pelabuhan Macquarie di Tasmania, Australia.